

# **JAWATANKUASA SOKONGAN / BUKAN KLINIKAL**

## **9. Jawatankuasa Rekod Perubatan**

9

**TERMA RUJUKAN**  
**(Terms of Reference)**  
**JAWATANKUASA REKOD PERUBATAN**  
**HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**  
**KOTA KINABALU, SABAH**

**1. Latar Belakang Penubuhan**

- 1.1 Melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2010: Garispanduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan di Hospital-hospital dan Institusi KKM dan dikemaskini merujuk Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 5/2023: Garis Panduan Pengendalian Dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, maka jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memantau dan memastikan setiap urusan berkaitan rekod perubatan pesakit (RPP) di Hospital Queen Elizabeth II mengikut sistem pengurusan yang baik dan berkesan.
- 1.2 Jawatankuasa Rekod Perubatan berperanan sebagai forum antara Ketua Jabatan iaitu, Pengarah Hospital dan Ketua-ketua Jabatan Klinikal dan Ketua-ketua Jabatan Bukan Klinikal yang berkenaan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan Perkhidmatan Rekod Perubatan.

**2. Objektif dan Kuasa-kuasa Jawatankuasa**

Jawatankuasa Rekod Perubatan Hospital Queen Elizabeth II adalah sebagai pengawal dan penguatkuasa peraturan dan tempat rujukan garispanduan berkaitan rekod perubatan pesakit dan hendaklah menjalankan tugas-tugas mengenai urusan serta perihal berikut:

- 2.1 Mengenal pasti standard dan polisi untuk Perkhidmatan Rekod Perubatan.
- 2.2 Menetapkan dasar operasi, prosedur dan piawaian mengenai Perkhidmatan Rekod Perubatan yang telah diputuskan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri dilaksanakan dan dipantau di peringkat hospital.
- 2.3 Memantau pelaksanaan garispanduan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Rekod Perubatan.
- 2.4 Memantau dan membincangkan isu-isu berkaitan kualiti dan keselamatan Rekod Perubatan Pesakit.
- 2.5 Menyampaikan maklumat melalui mesyuarat-mesyuarat yang dilaksanakan di peringkat Rekod Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri.

#### **4.1 Syarat-syarat Keanggotaan**

- 4.1.1 Tempoh pelantikan adalah 2 tahun mengikut sesi lantikan.
- 4.1.2 Lantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengerusi.
- 4.1.3 Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Rekod Perubatan adalah dilantik secara automatik sebagai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Rekod Perubatan.
- 4.1.4 Ketua Jabatan Klinikal dan lain-lain Jabatan Bukan Klinikal yang berkenaan dilantik secara automatik sebagai ahli mesyuarat.
- 4.15 Keanggotaan ahli mesyuarat akan terbatal apabila bertukar keluar jabatan, bersara atau naik pangkat. Pengganti ketua jabatan/unit yang berkaitan akan terlantik secara automatik.

#### **4.2 Keanggotaan Jawatankuasa**

- 4.2.1 Pengerusi : Pengarah Hospital
- 4.2.2 Setiausaha/ Urusetia : Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
- 4.2.3 Ahli-ahli : Ketua Jabatan Klinikal  
Ketua Jabatan Bukan Klinikal  
Ketua Penyelia Hospital  
Ketua Penyelia Jururawat Hospital  
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)  
merangkap Ketua Jabatan Rekod Perubatan

#### **4.3 Terma Pejabat '(Term of Office)'**

Ahli yang bertukar keluar jabatan, bersara atau naik pangkat ke jabatan lain akan diganti dengan pegawai lain dari jabatan/unit yang sama supaya maklumat dapat disampaikan kepada anggota lain dan diganti sehingga pengganti atau ketua jabatan/unit baru hadir bertugas dan dilantik secara rasmi.

Disediakan oleh:



CIK NOOR BAAYAH ABDUL JALIL  
PENOLONG PEGAWAI TADIS  
REKOD PERUBATAN HQE  
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II


**CIK NOOR BAAYAH BINTI ABDUL JALIL**

Urusetia

Jawatankuasa Rekod Perubatan

Hospital Queen Elizabeth II

Disahkan oleh:



**DR. FERRO FIRDAUS BIN IBRAHIM**

Pengerusi

Jawatankuasa Rekod Perubatan

Hospital Queen Elizabeth II



Terma Rujukan JKRP HQE II Versi 2 - 10 Julai 2023

**CARTA ORGANISASI  
JAWATANKUASA REKOD PERUBATAN  
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

